

# UMT tubuh pusat gerakan pembangunan ECER

4M 15/07/08

Pg. 26

**KUALA TERENGGANU** Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang diamanahkan membantu memacu pembangunan dan pertumbuhan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER) telah menubuhkan beberapa pusat khusus bagi menggerakkan pembangunan yang dirancang, titah Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah.

Titah Seri Paduka, pusat berkenaan ialah Pusat Latihan Pengurusan Fasiliti, Pusat Pembangunan Sosial, Pusat Biodiversiti dan Oceanografi dan Pusat Kerjasama Industri Akademia.

“Penglibatan UMT dalam program nasional itu membuktikan pengiktirafan masyarakat terhadap peranan dan keupayaan institusi berkenaan dalam program pembangunan negara amnya dan negeri Terengganu khususnya,” titah Seri Paduka.

Tuanku Nur Zahirah selaku Canselor UMT bertitah demikian pada majlis Konvokesyen Ke-6 UMT di sini hari ini. Seramai 1,616 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada majlis yang berlangsung selama dua hari itu.

Yang turut berangkat pada majlis itu ialah Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin yang diiringi Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Terengganu Datuk Ahmad Said dan Naib Canselor UMT Prof Datuk Dr Sulaiman Md Yassin.

Seri Paduka bertitah, UMT sentiasa berusaha bagi niemenuhi pelbagai tuntutan dan obligasi sosialnya terhadap negara dan komuniti setempat.

- Bernama